



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

Program Pesara Care: Menyantuni Pesara Uzur dan Program Lawatan Tapak Projek Usahawan Agropreneur

1. JPA selaku jabatan yang bertanggungjawab ke atas pesara Kerajaan sentiasa mengadakan sesi libat urus dan program turun padang ziarah pesara sebagai satu langkah menjaga hubungan baik kerajaan dengan persatuan pesara dan para pesara yang selama ini banyak berjasa kepada negara.
2. Ziarah pesara uzur dimulakan dengan kunjungan kepada Puan Bunga Jaya binti Ab. Rahmat, 68 tahun di kediamannya Kg. Tanjong Kapor. Beliau yang berkhidmat selama 39 tahun, memulakan perkhidmatan pada tahun 1969 dan bersara wajib pada 2 Mac 2008.
3. Turut disantuni, Encik Abdul Fatah bin Ajuram, 73 tahun. Memulakan perkhidmatan pada tahun 1981 dan bersara wajib pada 1 Februari 2015. Pesara yang mempunyai 10 orang anak ini, bergantung sepenuhnya dengan pencen bulanan bagi menampung keperluan harian sekeluarga selain pernah mengalami serangan strok yang menyebabkan pergerakannya terbatas.
4. Tempat akhir bertugas kedua-dua pesara adalah di Jabatan Pendidikan Negeri Sabah sebagai Guru Lulusan Diploma. Turut disampaikan semasa ziarah adalah sijil penghargaan, kad pesara baharu, barangan keperluan harian dan kerusi roda.
5. Program Pesara Care diteruskan dengan menziarahi keluarga Allahyarham Ammahari Bin Rahali. "Takziah kepada keluarga Allahyarham Ammahari Bin Rahali. Kita turut berdukacita atas berita ini kerana memang hasrat awal pihak kami untuk bertemu dengan Allahyarham Ammahari, namun kita redha dengan ketentuan Ilahi", kata Datuk Seri Borhan Bin Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Gemulah merupakan pesara awam, memulakan perkhidmatan pada tahun 1980 dan bersara wajib pada 17 Mei 2016 semasa bertugas sebagai Pekerja Rendah Awam Gred R4 di Pejabat Kesihatan Daerah Semporna. Beliau meninggal dunia pada 23 Julai 2019, pada usia 63 tahun akibat kanser kolon yang dihidapi. Sumbangan wang tunai, sijil penghargaan dan baucer bayaran Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ) berjumlah RM3,000.00 disampaikan kepada Puan Mahajiyah binti Dahali, balu pesara. BMJ adalah bantuan kepada waris pegawai/pesara untuk pengurusan jenazah pegawai/pesara.

6. “Ziarah pesara uzur akan diteruskan dari semasa ke semasa kerana golongan pesara sangat dekat dihati kami”, tambah Datuk Seri Borhan yang turut menyatakan terima kasih atas kerjasama Persatuan Pesara Kerajaan Negeri Sabah, Cawangan Semporna dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] dalam menjayakan program ziarah ini.
7. Sementara itu, lawatan ke Ladang Ternakan Kambing Melikan Enterprise yang diusahakan oleh Tuan Haji Minduru bin Haji Mohd Noor yang juga merupakan Pengerusi Persatuan Pesara Kerajaan Negeri Sabah, Cawangan Semporna, telah memulakan perniagaan pada tahun 2016 dengan keluasan kandang 200’ x 30’. Beliau turut menaman sendiri rumput ‘Nafier’ yang menjadi makanan utama kambing ternakan serta dibantu oleh seorang pekerja pada masa ini, dengan pendapatan perniagaan sekitar RM3,000.00 sebulan.
8. Lawatan seterusnya ke Perusahaan Madu kelulut yang diusahakan oleh pesara tentera, Encik Ammil Hassan Bin Anggari, 47 tahun. Beliau terdahulu telah menjalankan perniagaan ‘Nursery’ secara kecil-kecilan sebelum melibatkan diri dengan peniagaan madu kelulut sejak satu setengah tahun lalu.
9. “Pesara disaran untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan terus berkhidmat kepada masyarakat terutamanya di kawasan komuniti setempat dengan berkongsi pengalaman dan kepakaran masing-masing untuk manfaat bersama”, kata Datuk Seri Borhan mengakhiri Program Lawatan Tapak Projek Usahawan Agropreneur yang turut disertai oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 27 Julai 2019
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (47)